

# PELAKSANAAN PENGAGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF AR-RIQAB DI MALAYSIA

## *THE IMPLEMENTATION OF ZAKAT DISTRIBUTION TO AR-RIQAB CATEGORY IN MALAYSIA*

Azman Ab Rahman<sup>1</sup>  
Arieff Salleh bin Rosman<sup>2</sup>  
Muhamad Firdaus Ab Rahman<sup>3</sup>

### ABSTRAK

Kajian ini bagi menganalisis isu kedudukan ar-riqab sebagai penerima zakat di Malaysia dalam konteks masa kini. Realiti sistem perhambaan individu seperti yang berlaku semasa zaman Nabi Muhammad s.a.w sudah tidak berlaku di zaman moden. Persoalannya, adakah bahagian golongan '*fi al-riqab*' yang dinyatakan dalam ayat 60 surah at-taubah sudah tidak relevan pada zaman moden ini. Adakah kita masih perlu berpegang kepada takrifan hamba mukatab atau hamba sahaya sahaja? Atau adakah boleh diperluaskan konsep dan interpertasi asnaf ar-riqab bersesuaian dengan keadaan semasa dan setempat? Justeru, objektif kajian ini bagi mengenalpasti definisi sebenar asnaf ar-riqab menurut ulama' dulu dan kini termasuk fatwa-fatwa yang berkaitan dengannya, menilai kedudukan asnaf ar-riqab sebagai penerima zakat di negeri-negeri di Malaysia serta mengenalpasti golongan-golongan lain yang boleh dikategorikan di bawah asnaf ar-riqab menepati realiti masa kini. Metodologi kajian dilakukan kaedah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian sejarah, dan reka bentuk kajian kes. Penganalisan data menggunakan kaedah deskriptif dan komparatif. Hasil penyelidikan menunjukkan takrifan dan pengagihan asnaf riqab harus diperluaskan berdasarkan pandangan Muhamaad al-Syaltut dan Sayyid Rasyid Rida.

**Kata Kunci:** Ar-Riqab, Perhambaan, Perluasan, Konsep

### 1. PENDAHULUAN

Di dalam al-Quran, Allah s.w.t telah meletakkan kedudukan asnaf ar-riqab di dalam senarai penerima zakat pada posisi kelima. Iaitu, dimulai dengan asnaf fakir, miskin, amil, muallaf dan yang ke lima ar-riqab, sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah al-Taubah: 60.

---

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan (Dr), Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, USIM. [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan (Dr), Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia, UTM. Penulis bersama. [arieffsalleh@gmail.com](mailto:arieffsalleh@gmail.com)

<sup>3</sup> Felo Siswazah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Penulis bersama. [firdaus\\_srcisum@yahoo.com](mailto:firdaus_srcisum@yahoo.com)

*Dilalah* ayat 60 ini menerangkan tentang asnaf yang ditetapkan untuk mereka harta zakat, merupakan *dilalah zanniyyah*. Maka ruang untuk berjihad dalam memahami dan mempraktikkannya dalam kehidupan umat Islam di Malaysia masih terbuka luas.

Ar-riqab, jika dilihat dari segi definisi umum bermaksud “*hambamukatab*” yang membeli atau menebus dirinya sendiri untuk bebas daripada tuannya secara beransur-ansur. Maka, fuqaha’ menyatakan bahawa istilah ini adalah merupakan satu kiasan yang menunjukkan bahawa perhambaan adalah satu bentuk ikatan yang mengikat seseorang itu daripada menikmati kebebasan sebagaimana menurut pandangan al-Qaradawi. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, terdapat sedikit perbezaan definisi ar-riqab di kalangan ulama’. Namun perselisihan ini tidaklah terlalu besar tetapi lebih membawa kepada maksud hamba atau pembebasan.

Justeru itu, timbul isu mengenai kewujudan asnaf ar-riqab pada masa kini yang mana tidak terdapat dimana-mana negara lagi yang mengamalkan sistem penghambaan. Sekiranya benar asnaf ini tidak wujud lagi, bagaimanakah kedudukan dana zakat yang diperuntukkan kepada asnaf ini? atau adakah wujud pentafsiran lain tentang definisi ar-riqab pada masa kini?. Justeru kajian ini perlu dijalankan bagi melihat semula kedudukan asnaf ar-riqab sebagai penerima zakat pada masa kini, golongan-golongan lain yang berkemungkinan boleh dikategorikan di bawah asnaf ini dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya khususnya dari segi bantuan dan kaedah pemberian zakat kepada golongan ini sekiranya mereka layak menerimanya.

## 2. KAJIAN LITERATUR

Kajian terdahulu menunjukkan jumhur ulama berpendapat tidak wajib mengagihkan harta zakat kepada keseluruhan lapan asnaf. Kadar pengagihan adalah dikembalikan kepada ijtihad pemimpin sesebuah tempat mengikut kepada keperluan sesuatu asnaf. Ini adalah pendapat ‘Umar bin al-Khattab, ‘Ali, Huzaifah, Ibnu ‘Abbas, Sa’id bin Jubayr, Abu al-‘Aliyah, al-Nakha’i, al-Hasan, Malik, dan Abu Hanifah. Dalam kalangan ulama’ semasa yang menyokong pendapat ini ialah Ibnu ‘Asyur, ( lihat kajian al-Marghinani, 1990; Ibnu al-Humam, 1995; al-Zayla’i, 2000; al-Babarti, 2007; Badr al-Din al-‘Aini, 2000; Ibnu ‘Abidin, 1998; al-Qurafi, 2008; al-Khurasani, 1997; al-Bahuti, 1996; Muhammad ‘Abduh dan Muhammad Rashid Reda, 2002; Ibnu ‘Asyur, 2000; Zulkifli, 2013). Golongan ini berpendapat maksud “*innama al-sadaqat li..*” (sesungguhnya zakat itu adalah untuk...) bermaksud mengkategorikan *mustahiqqin* zakat hanyalah lapan golongan asnaf, tidak pula bermaksud kesemua asnaf tersebut wajib diberikan zakat.

Manakala bagi pendapat kedua iaitu wajib mengagihkan harta zakat kepada keseluruhan lapan asnaf. Setiap asnaf mendapat satu perlapan (1/8). Jika sesuatu asnaf tidak wujud pada sesuatu tempat, maka nisbah pengagihan adalah mengikut nisbah sama rata dengan setiap asnaf yang wujud, ia bermaksud zakat adalah untuk lapan golongan ini iaitu semua mesti diberikan zakat. Pendapat ini bertentangan dengan golongan pertama di atas. ( lihat kajian Al-Khatib, 2008; Zakaria al-Ansari, 2001; al-Bajuri, 1999; al-Bujairimi, 1996; al-Syaukani,

1985; Muhammad 'Abduh dan Muhammad Rashid Reda, 2002; Ibnu 'Asyur, 2000; Zulkifli, 2013).

Dalam ayat 60 surah al-Taubah, Allah s.w.t menjelaskan empat asnaf yang awal iaitu fakir, miskin, amil, dan muallaf dengan digunakan perkataan 'li'. Manakala empat asnaf terbaki iaitu *riqab*, gharimin, sabilillah dan ibnu sabil, digunakan perkataan 'fi'.

Perbezaan pengkategorian asnaf tersebut adalah merujuk kepada jenis *masalahah* bagi setiap golongan. Menurut al-Tobari, asnaf *riqab* diberikan zakat untuk *masalahah* khusus mereka. Mereka diberikan zakat jika mereka tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi (Al-Tobari, 1992). Sebaliknya menurut al-Zamakhsyari, al-Razi, dan Ahmad bin al-Munir, *riqab* dalam kategori penerima zakat untuk *masalahah* umum, bukan khusus, kerana zakat tidak diberikan kepada hamba tetapi kepada tuannya, begitu juga penghutang, tidak diberikan zakat untuk dimiliki, tetapi diberikan kepada pemiutang (Al-Zamakhsyari, 1990; Al-Razi, 1994). Manakala menurut Ibnu al-Qayyim, asnaf *riqab* dikategorikan sebagai penerima zakat kerana hajatnya. Pemberian zakat adalah mengikut kekuatan hajat tersebut, mendesak atau tidak, banyak atau sedikit. (Ibnu al-Qayyim, 1979). Sebaliknya, menurut Muhammad 'Abduh dan Muhammad Rasyid Reda (2002), *riqab* menerima zakat untuk memenuhi *masalahah* umum umat Islam.

### 3. KAJIAN METODOLOGI

Penyelidikan menggunakan kajian kualitatif bertujuan memahami secara mendalam fenomena berkaitan persoalan *riqab* (Merriam et.al., 2002; Ritchie & Lewis, 2005). Selanjutnya, Merriam (1998) dan Patton (2002) menegaskan penggunaan kaedah kualitatif dalam sesuatu penyelidikan bertujuan memahami secara holistik pengalaman manusia dalam sesuatu konteks, khususnya Baitulmal negeri dadalam pengurusan pengagihan asnaf *riqab*. Oleh itu, menurut Merriam (2002), penyelidikan kualitatif adalah berbentuk induktif.

Penyelidik telah memilih reka bentuk sejarah (*historical design*) sebagai reka bentuk kajian ini. Reka bentuk sejarah digunakan untuk mengumpul data kualitatif tentang peristiwa-peristiwa yang telah berlaku, dan menghubungkaitkannya dengan peristiwa yang sedang berlaku untuk memahami kejadian peristiwa tersebut (Chua, 2012). Kajian ini mengkaji tentang maksud *riqab* sebagai penerima zakat. Pendapat ulama terdahulu menjadi asas bagi mengkaji konsep dan amalan agihan zakat kepada asnaf *riqab* semasa di Malaysia. Analisa perbandingan antara pendapat ulama terdahulu dengan pendapat ulama semasa di Malaysia menjadi asas kepada penghasilan model garis panduan pengurusan zakat asnaf *riqab* di Malaysia.

Reka bentuk kajian kes (*case study design*) juga dipilih sebagai reka bentuk kajian ini. Reka bentuk kajian kes menghuraikan seseorang individu atau sekumpulan individu secara teliti untuk memahami suatu isu yang dikaji (Chua, 2012). Ia juga satu bentuk penyelidikan kualitatif yang mana penyelidik menyiasat secara mendalam; sama ada satu program, peristiwa, aktiviti atau proses yang melibatkan seorang atau beberapa individu (Merriam,

2002; Creswell, 2013; Mohd Azhar, 2012). Dengan itu secara spesifik, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes bagi mengkaji penjelasan konsep riqab sebagai penerima zakat. Reka bentuk kajian kes digunakan untuk kajian ini dengan harapan ia dapat memberikan naratif deskripsi padat dan holistik berkaitan dengan asnaf riqab.

#### **4. HASIL DAPATAN**

##### **4.1 Konsep Agihan Zakat Kepada Asnaf Riqab**

###### *a) Definisi Riqab*

Perkataan 'riqab' merupakan perkataan jamak, kata tunggalnya ialah '*raqabah*'. Raqabah menurut etimologi bermaksud leher, penghujung bahagian kepala, atau sebelah atas bahagian badan. Manakala secara terminologi, raqabah bermaksud hamba yang dimiliki (Ibnu Manzur, 1990; Fairuz Abadi, 1978; al-Razi, 2000; al-Qurrah Daghi, 1992; Zulkifli, 2013). Al-Qurrah Daghi (1992) menyimpulkan, perkataan '*raqabah*' atau '*riqab*' bermaksud leher atau tengkuk; sama ada ia dikaitkan dengan hamba atau orang merdeka. Berdasarkan kajian tidak terdapat takrifan yang khusus berkenaan definisi asnaf riqab menurut bahasa mahupun istilah dan ianya masih tergantung bersifat umum.

###### *b) Konsep Riqab Menurut al-Quran dan as-Sunnah*

Terdapat kepelbagaian *uslub* al-Quran berkaitan penggunaan perkataan '*raqabah*' dan '*riqab*'. Perkataan '*raqabah*' yang diulang 6 kali di dalam al-Quran; sama ada didahului dengan perkataan '*tahrir*' atau '*fak*' adalah merujuk kepada hamba abdi yang perlu dimerdekakan. Konsep '*tahrir raqabah*' merujuk kepada hukum membayar kafarah; sama ada kafarah bunuh tidak sengaja, sumpah, atau zihar. (Surah al-Nisa':92, al-Ma'idah: 89, al-Mujadalah: 3)

Manakala konsep '*fak raqabah*' (Surah al-Balad: 13) yang dimaksudkan dalam ayat adalah merujuk kepada usaha umum menghapuskan sistem perhambaan. Sama ada berusaha membayar keseluruhan harga bagi memerdekakan seorang hamba, atau berkongsi harta untuk memerdekakannya (al-Qurrah Daghi, 1992).

Manakala perkataan '*riqab*' yang diulang sebanyak 3 kali, tidak didahulukan dengan perkataan merdekakan (*tahrir* atau *fak*). *Riqab* dalam ayat 4 surah Muhammad, merujuk kepada orang biasa dalam kalangan tentera kafir yang memerangi umat Islam. Oleh itu, walaupun konsep '*riqab*' kebanyakannya merujuk kepada hamba, namun ia tidak semata-mata dirujuk kepada hamba. Maka maksud '*wa fi al-riqab*' dalam ayat (Surah al-Baqarah: 177, al-Taubah: 60) yang menjelaskan asnaf zakat, boleh dirujuk sama ada kepada hamba atau bukan hamba (al-Qurrah Daghi, 1992)

Manakala analisa konsep *riqab* dalam hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w (berdasarkan enam kitab hadis utama). Dapatan menunjukkan, terdapat perbezaan penumpuan pada maksud

*riqab* dalam hadis Nabi Muhammad s.a.w. Konsep melalui tema raqabah menunjukkan majoriti hadis merujuk kepada maksud hamba (60.9%), manakala hanya 39.1% merujuk kepada maksud diri atau tengkuk. Sebaliknya, tema *riqab* menunjukkan majoriti hadis merujuk kepada maksud diri atau tengkuk (80.2%), manakala *riqab* yang bermaksud hamba hanya 19.8% sahaja. (Arieff Salleh Bin Rosman *et.al*, 2013).

Contoh hadis yang mengandungi perkataan 'raqabah' dan ia bermaksud memerdekakan hamba kerana kewajipan membayar *kafarah* ialah: Abu Hurairah melaporkan, "Pada suatu hari semasa kami duduk bersama Rasulullah s.a.w, datang seorang lelaki lalu berkata, 'Wahai Rasulullah, aku sudah binasa!' Rasulullah s.a.w bertanya, 'Apa yang telah kamu lakukan?' Jawab lelaki itu, 'Saya telah menyetubuhi isteri saya sedang saya berpuasa.' Rasulullah bertanya "Adakah kamu memiliki hamba untuk dimerdekakan?" (Bukhari, 2002:350)

## **4.2 Riqab Menurut Ulama *Mutaqaddimun* dan *Muta'akhkhirun***

Para ulama' berbeza pendapat dalam menjelaskan maksud '*riqab*':

**4.2.1** Jumhur ulama' berpendapat '*al-riqab*' yang layak menerima zakat hanyalah hamba mukatab iaitu hamba yang mahu dimerdekakan dan dia beragama Islam. Para ulama' yang berpendapat seperti ini sepakat mengatakan harus memberikan sebahagian harta zakat kepada pemilik hamba tersebut untuk dimerdekakan hamba itu dan melangsaikan segala hutangnya. Tidak dibenarkan menggunakan harta zakat untuk membeli hamba kemudian hamba itu dimerdekakan dan juga tidak dibenarkan bagi kategori hamba yang lain selain hamba mukatab seperti hamba *tadbir*, *istilad*, atau *tab'idh*. Pendapat ini ialah pendapat 'Ali bin Abi Talib, Sa'id bin Jubayr, al-Layth, al-Thauri, ulama' Hanafiyah, dan Syafi'iyah (al-Marghinani, 1990; Ibnu al-Humam, 1995; al-Zayla'i, 2000; al-Babarti, 2007; Badr al-Din al-'Aini, 2000; Ibnu 'Abidin, 1998; al-Khatib, 2008; al-Nawawi, 2000; Zakaria al-Ansari, 2001; al-Bajjuri, 1999; al-Malbari, 2009; al-Bujairimi, 1996; Muhammad 'Abduh dan Muhammad Rashid Reda, 2002; *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah*, 1990).

**4.2.2** Sebahagian ulama' berpendapat, '*ar-riqab*' yang layak menerima zakat hanyalah hamba sahaya iaitu menggunakan harta zakat untuk membeli hamba lalu dimerdekakan. Pendapat ini adalah pendapat Ibnu 'Abbas, Hasan al-Basri, Malik, Ahmad, Abu Thaur, Abu 'Ubayd, al-Bukhari, Ibnu Munzir, dan ulama' Malikiyah. Mereka berhujah, jika '*riqab*' hanya merujuk kepada hamba mukatab, maka dia termasuk dalam kategori gharimin kerana dia berhutang kepada tuannya. Manakala menurut mazhab Hanafi, Syafi'i dan salah satu pendapat Imam Ahmad, perbuatan tersebut adalah tidak dibenarkan. (al-Qurafi, 2008; al-Khurasyi, 1997; al-Dusuqi, 2003; Muhammad 'Abduh dan Muhammad Rashid Reda, 2002; *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah*, 1990).

**4.2.3** Sebahagian ulama' seperti al-Syaukani (1985) berpendapat, '*ar-riqab*' bermaksud hamba mukatab dan juga hamba yang dibeli kemudian dimerdekakan.

**4.2.4** Sebahagian ulama' antaranya, salah satu pendapat Imam Ahmad, Ibnu Habib daripada mazhab Hanbali, Ibnu 'Abdul Hakam daripada mazhab Maliki, Fakhrudin al-Razi, dan Ibnu Taimiyah: Selain membebaskan hamba, diharuskan menggunakan sebahagian harta zakat untuk menebus tawanan (*al-asir*) yang beragama Islam daripada cengkaman orang kafir. Perbuatan ini adalah lebih utama, kerana jika membebaskan hamba sahaya yang dimiliki oleh orang Islam dianggap sebagai ibadah dan sedekah, maka lebih utama membebaskan tawanan Muslim daripada tangan orang kafir. (al-Qurtubi, 1993; al-Qurafi, 2008; Ibnu Qudamah, 1994; Ibnu Muflih, 1997; al-Bahuti, 1996; Ibnu Najjar, 1999; *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah*, 1990).

Kesimpulan perbezaan pendapat ulama' tentang definisi *riqab* menunjukkan perkembangan ijtihad ulama' berkaitan definisi *riqab*. Sebelum zaman Imam Ahmad (164H-241H), ijtihad para ulama' hanya berkisar sama ada *riqab* bermaksud hamba mukatab sahaja atau hamba sahaya sahaja. Manakala salah satu pendapat Imam Ahmad, definisi *riqab* sudah diluaskan dengan dimasukkan orang Islam yang ditawan musuh. Namun ia masih lagi dalam suasana hamba, kerana adat peperangan zaman tersebut menjadikan tawanan perang sebagai hamba.

### **4.3 Riqab Menurut Ulama dan Fatwa Semasa**

Para ulama semasa berbeza pendapat dalam mendefinisikan *riqab* sebagai penerima zakat:

**4.3.1** Sebahagian ulama semasa dan fatwa semasa mentarjihkan pendapat yang mengatakan bahawa *riqab* terdiri daripada tiga golongan iaitu hamba mukatab, hamba sahaya yang dibeli kemudian dimerdekakan dan tawanan perang. 'Illah kelayakan menerima zakat bagi *riqab* adalah perhambaan. Pendapat ini merupakan pendapat Ibnu 'Asyur (2000), 'Abd al-Latif Hamzah (1983), Yusuf al-Qaradawi (2006), Wahbah al-Zuhaili (1991), Abdullah bin Mansur al-Ghufaili (2008) dan beberapa keputusan fatwa seperti fatwa Bayt al-Zakat Kuwait, Fatwa al-Lujnah al-Da'imah li al-Buhuth al-'Ilmiyah wa al-'Ifta' Arab Saudi, Fatwa Majelis Ulama Indonesia, Fatwa Mufti Kerajaan Brunei dan Fatwa Tentang Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor 1991.

**4.3.2** Al-Uthaimin (1413H) dan al-Qurrah Daghi (1992), berpendapat, selain golongan hamba dan orang yang ditawan, orang Islam yang diculik juga layak mendapat zakat dalam kategori asnaf *riqab*. Hujah mereka, penculikan adalah termasuk dalam salah satu bentuk tawanan, maka orang Islam yang diculik juga termasuk dalam maksud *riqab*.

**4.3.3** Muhammad Rashid Reda (2002) dan Mahmud Syaltut (t.th.) berpandangan kos usaha membebaskan umat Islam yang dijajah boleh diambil daripada asnaf *riqab*. Hujah mereka, penjajahan merupakan perhambaan yang jauh lebih merbahaya terhadap nilai keinsanan kerana perhambaan rakyat dan bangsa membabitkan pemikiran, harta benda, dan pemerintahan.

Daripada analisa pendapat ulama' *mutaqaddimun*, *mutaakhkhirun* dan semasa, beberapa kesimpulan boleh dibuat:

- i) Mereka sepakat mengatakan hamba adalah maksud asal *riqab*.
- ii) Mereka berselisih pendapat meluaskan maksud *riqab* di luar konsep hamba.

Majoriti tidak menerima ijtihad meluaskan maksud *riqab* di luar konsep hamba. Sebahagian meluaskan maksud *riqab*, namun masih berkaitan dengan hamba iaitu orang Islam yang ditawan, yang mengikut adat peperangan pada ketika itu, tawanan tersebut akan dijadikan hamba. Namun sebahagian ulama semasa cuba meluaskan lagi konsep *riqab* dengan berbeza 'illah. Muhammad Rashid Reda dan Mahmud Syaltut berijtihad bahawa bangsa yang dijajah adalah lebih besar *mudarat* berbanding seorang hamba. Kaedah yang digunakan adalah *qiyas awlawi*. Selanjutnya beberapa fatwa dan amalan di Malaysia meluaskan *qiyas* tersebut dengan 'illah terbelenggu. Meluaskan konsep *riqab* di luar maksud hamba dibantah oleh beberapa orang ulama semasa seperti Yusuf al-Qaradawi (2006), Wahbah al-Zuhaili (1991), dan Abdullah bin Mansur al-Ghufaili (2008). al-Ghufaili (2008) mengemukakan hujah:

- i) Tiada dalil dan hujah yang mengharuskan untuk memasukkan kemerdekaan rakyat diambil daripada saham '*riqab*'.
- ii) Tiada keperluan untuk menggunakan saham *riqab* untuk memerdekakan umat Islam yang dijajah, kerana ia boleh diambil daripada asnaf "*fi sabilillah*" atau daripada sumber am baitulmal selain zakat.
- iii) Penguasaan orang kafir terhadap umat Islam pernah berlaku pada zaman Nabi Muhammad s.a.w dan kurun ulama' salaf al-soleh, namun tiada dinukilkan mereka memasukkan umat Islam yang dijajah dalam maksud *riqab*.

Pendapat yang rajih adalah *riqab* terdiri daripada tiga golongan iaitu hamba mukatab, hamba sahaya yang mahu dimerdekakan, dan orang Islam yang dieksploitasi (Arieff Salleh Bin Rosman *et.al*, 2013), termasuklah mereka yang dibelenggu dalam aktiviti pelacuran (Zulkifli al-Bakri, 2012).Hujah pentarjihan ialah:

- i) Lafaz '*wa fi al-riqab*' dalam ayat 60 surah al-Taubah adalah lafaz umum yang tiada lafaz lain yang mengkhususkannya atau menghadkannya hanya kepada satu maksud sahaja. Lafaz *riqab* menurut bahasa Arab secara hakikat bermaksud tengkuk atau leher. Manakala secara *majazi* bermaksud hamba yang dimiliki, kerana tengkuk mereka dibelenggu oleh tuan mereka kerana mereka tiada kebebasan diri. Menurut kaedah usul fiqh khususnya menurut Imam Syafi'i, jika tiada bukti untuk mengkhususkan sesuatu maksud lafaz, maka lafaz *hakiki*, *majazi* dan *musytarak* dalam satu lafaz boleh digunakan dalam satu masa (al-Razi, 1999; Qurrah Daghi, 1992).
- ii) Terdapat ijtihad ulama *mutaqaddimun* dan *mutaakhkhirun* yang tidak mengkhususkan lafaz *riqab* hanya kepada hamba mukatab, bahkan ada yang berijtihad orang Islam yang

ditawan (*al-asir*) juga termasuk dalam maksud *riqab*. Ini membuktikan lafaz *riqab* masih dalam konteksnya yang umum dan tidak dikhususkan atau dihadkan maknanya.

- iii) Pendapat ulama semasa yang mengkhususkan lafaz *riqab* hanya kepada hamba dilihat tidak konsisten dalam ijihad berkaitan golongan yang layak menerima zakat. Sebagai perbandingan, kenapa sebahagian besar ulama semasa bersetuju meluaskan maksud lafaz '*fi sabilillah*' di luar maksud tentera dan persiapan peperangan

## 5. APLIKASI KONSEP RIQAB DI MALAYSIA

Berdasarkan kepada Laporan JAWHAR 2012 yang menyediakan dan merekodkan maklumat berkaitan kutipan dan agihan zakat di seluruh negeri di Malaysia. Penyelidik mendapati lima buah negeri sahaja yang mengagihkan zakat kepada asnaf ar-riqab iaitu negeri Selangor, Pahang, Perlis, Negeri Sembilan dan Terengganu. Walaubagaimanapun pengagihan kepada asnaf ar-riqab hanya aktif di tiga buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan dan Terengganu. Manakala pengagihan di negeri Pahang tidak konsisten dengan hanya menyalurkan agihan kepada tabung riqab pada tahun 2010 dengan jumlah RM 27,220.00 dan Perlis hanya memberikan agihan kepada tabung riqab pada tahun 2011 dengan jumlah RM 2,346,272.00, seperti jadual di bawah:

Jadual 1 :Agihan Zakat Kepada Asnaf Riqab Negeri-Negeri di Malaysia  
Bagi Tempoh 2008-2011

Tahun	Negeri / Jumlah Peruntukan Asnaf Riqab													
	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	Pulau Pinang	Perak	Sabah	Sarawak	Wilayah Persekutuan	Pahang	Perlis	Negeri Sembilan	Selangor	Terengganu
2008	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0		953,390.79	1,089,512.00	145,766.87
2009	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0		11,354,299.20	1,603,968.99	18,000.00
2010	0	0	0	0	0	0	0	0	0	27,220.00		10,805,949.01	2,454,920.00	19,500.00
2011	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2,346,272.00	13,551,700.00	7,756,532.00	24,500.00

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri (2012).

Justeru, berdasarkan analisa data di atas, penyelidik menghadkan penyelidikan kepada tiga buah negeri yang aktif dalam pengagihan zakat kepada asnaf riqab sahaja iaitu di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Terengganu. Sebahagian ulama dan fatwa di Malaysia meluaskan maksud ar-riqab berkesinambungan daripada ijihad Muhammad Rashid Reda (2002) dan Mahmud Syaltut (t.th). 'Illah *riqab* dikaitkan dengan pembebasan individu daripada belunggu. Namun, pendapat ini berbeza pula kepada tiga iaitu belunggu kejahilan, belunggu masalah sosial dan aqidah dan belunggu semua aspek.

Jadual 2: Perluasan Takrif Riqab Menurut Fatwa Semasa Negeri

Negeri	Belunggu kejahilan	Belunggu masalah sosial & aqidah
Selangor		<p><b>(A)Masalah Sosial:</b></p> <p>(1) Terbelunggu dengan dadah (penagih dadah dan bekas penagih dadah).</p> <p>(2) Terbelunggu dengan masalah jenayah syariah (minum arak, judi, zina, khalwat, mengandung luar nikah, buang anak, sumbang mahram, persetubuhan, muncikari atau ibu ayam, menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam, mempersenda al-Quran dan hadis serta lain-lain yang berkaitan Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995</p> <p>(3) Terbelunggu dengan amalan salah Islam (tidak solat, tidak puasa, usaha membunuh diri dan hidup bersama pelacur)</p> <p>(4) Terbelunggu dengan gaya hidup songsang (pelacur, lesbian, homoseksual, maknyah atau transeksual, biseksual, pengkid, tomboy, gigolo dan bersekedudukan dengan orang bukan Islam)</p> <p>(5) Terbelunggu dengan kes juvana (gengster, jenayah melibatkan harta benda, pergaduhan melibatkan kecederaan, rompakan, pecah rumah, rogol, jenayah melibatkan senjata merbahaya dan ugutan melibatkan keganasan); (6) Terbelunggu dengan penyakit kronik (HIV/aids, kanser/barah, tibi, hepatitis dan lain-lain).</p> <p><b>(B) Masalah Akidah:</b></p> <p>(1) Terbelunggu dengan masalah syirik dan khurafat (doktrin palsu, mengaku menjadi Nabi, menghina Islam, dan pemujaan salah)</p> <p>(2) Memurnikan akidah orang Islam yang terpesong (orang yang ingin/berhasrat untuk murtad dan orang yang dalam proses istitabah).</p>
Negeri Sembilan	<p>(1) Bantuan aktiviti pendidikan, termasuk aktiviti yang dibuat oleh sekolah, madrasah, pihak universiti dan sebagainya.</p> <p>(2) Program meningkatkan ilmu dalam kalangan masyarakat, termasuk program pembudayaan Al-Quran.</p> <p>(3) Dermasiswa pelajaran, termasuk dermasiswa pengajian timur tengah.</p> <p>(4) Bantuan persekolahan sekolah rendah dan menengah, bantuan Sekolah Menengah Agama, Sekolah Agama Rakyat, kelas agama petang, bantuan perpustakaan sekolah agama.</p> <p>(5) Urusan sekretariat timur tengah.</p>	

	(6) Elaun penyelia Kafa. (7) Bantuan pengajian sarjana dan PhD.	
Terengganu	Bantuan Peningkatan Ilmu (Agama)	i) Bantuan Pemurnian Aqidah / Pemulihan Akhlak ii) Bantuan Penyelenggaraan Aset, dan Kontigensi / Pelbagai.
Perlis	i) Basmi kejahilan. ii) Sekolah agama rakyat	

Sumber: Muzakarah Zakat Peringkat Kebangsaan Siri 1, 2013

### 5.1 Belunggu Kejahilan

Konsep *riqab* digunakan di Negeri Sembilan dengan membebaskan diri daripada kejahilan. Mulai tahun 2005, pihak Baitulmal telah memasukkan asnaf *Riqab* dalam agihan zakat Negeri Sembilan. Kategori “dermasiswa” yang telah wujud sebelum ini diletakkan sebagai satu kategori khusus akhirnya dimasukkan sebagai salah satu aktiviti yang menggunakan pembelanjaan di bawah asnaf *riqab*. Oleh itu MAINS mendefinisikan *riqab* sebagai “memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada daripada segi cengkaman kejahilan atau terbelunggu di bawah kawalan tertentu”. “Illah” yang digunakan adalah terbelunggu meliputi belunggu kejahilan dalam konteksnya yang umum. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan yang bersidang pada 28 Oktober 2013 telah menekankan keperluan untuk menjadikan unsur eksploitasi sebagai illah yang mengikat maksud belunggu. (Mohd Yusof Bin Haji Ahmad, 2013)

Pendapat ini selari dengan usaha bagi mengeluarkan individu dan masyarakat daripada belunggu kejahilan boleh diambil daripada harta zakat sepertimana Fatwa negeri Perlis menetapkan, "vi. Mesyuarat bersetuju. perbelanjaan yang dibuat oleh Pejabat Zakat dan Fitrah Negeri Perlis adalah mengikut Syariah Islamiah seperti berikut:... d. *Ar-riqab* (hamba). i. Basmi kejahilan. ii. Sekolah agama rakyat." (Mat Jahya b. Haji Hussin, t.th.).

### 5.2 Belunggu Dengan Masalah Sosial Dan Aqidah.

Ini merujuk kepada Fatwa Negeri Selangor. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 14 Jun 2011, telah memutuskan golongan penerima agihan asnaf *ar-riqab* adalah masalah sosial dan masalah akhlak, seperti mana termaktub di dalam fatwa: “Hukum penggunaan wang zakat asnaf *riqab* bagi mereka yang terbelunggu dengan masalah sosial dalam menjamin akidah umat Islam agar kembali ke pangkal jalan adalah diharuskan”.

Beberapa jenis sumbangan agihan telah dilaksanakan di peringkat Majlis Agama Islam Selangor MAIS seperti Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Pusat Pemurnian

Akidah Baitul Iman. Berikut adalah senarai jenis-jenis agihan yang diperuntukkan kepada asnaf al-riqab yang diluluskan oleh Lembaga Zakat Selangor LZS.

Jadual 3: Jenis sumbangan agihan kepada asnaf riqab oleh LZS-MAIS

Bil	Jenis Agihan
1	Belanja Pengurusan Dan Pentadbiran
2	Kursus/ Latihan/ Aktiviti/Program Pelatih
3	Bayaran Makan Pelatih
4	Sambutan Hari Kebesaran
5	Elaun Penceramah/ Guru/ Kaunselor/ Sukarelawan
6	Perubatan Pelatih
7	Bantuan Kecemasan/ Panjar Wang Runcit
8	Bantuan Pemulihan Akhlak/Akidah
9	Bantuan Baik Pulih Rumah Pemulihan Riqab
10	Bantuan Baik Pulih Rumah Asnaf Riqab
11	Bantuan Kewangan Bulanan
12	Bantuan Sumbangan Sewa Rumah Riqab
13	Bantuan Pengurusan Jenazah Riqab
14	Bantuan Modal Perniagaan
15	Bantuan Pengurusan Rumah HIV
16	Bantuan Pengurusan Rumah Pemulihan Riqab
17	Bantuan Kepada Unit Pemulihan Dadah

Sumber: Hafizatul Akmal Abdul Jalil, 2013.

### 5.3 Belunggu Dalam Pelbagai Aspek.

Pendapat ini adalah merujuk kepada amalan agihan zakat kepada asnaf *riqab* di Negeri Terengganu. Pihak pengurusan agihan zakat negeri Terengganu mendefinisikan sinf riqab sebagai “memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman-cengkaman dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman kejahilan dan terbelunggu di bawah kawalan orang –orang tertentu”. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM pada kebiasaannya memindahkan (*radd*) bahagian riqab kepada asnaf yang lain, berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa Terengganu (Jawatankuasa Fatwa Terengganu, 1989).

Menurut rekod, dana zakat bahagian riqab digunakan setiap tahun untuk program bersama penghuni penjara di Marang dan Bukit Besi. Ia diagihkan kepada penghuni penjara dalam dua bentuk; memberi jamuan kepada penghuni dan mengatur program yang bersesuaian. Bagi bajet 2013 yang lalu, dengan persetujuan pihak MAIDAM bahagian riqab telah diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM 16,249,259.00 dengan dipecahkan perbelanjaan kepada perkara-perkara seperti jadual di bawah:

Jadual 4: Perbelanjaan MAIDAM Bagi Asnaf Riqab Bagi Tahun 2013

Jenis Bantuan	Jumlah (RM)	Status
i. Bantuan Kepada Penghuni Penjara Dan Program Pemurnian Akidah	1,500,000.00	
ii. Bantuan Pengurusan Rumah Perlindungan Pesakit Kronik/HIV	1,000,000.00	Sebelum ini digunakan melalui asnaf fi sabilillah
iii. Program Ta'ibin, Islah dan Birru	11,000,000.00	Diperingkat perbincangan
iv. Bantuan Yuran Kursus dan Latihan	1,000,000.00	Tidak digunakan
v. Bantuan Kemudahan Asas	1,000,000.00	Tidak digunakan
vi. Bantuan Peralatan Latihan	349,250.00	Tidak digunakan
vii. Pelbagai	400,000.00	Tidak digunakan

Sumber: Zulkifly Bin Musa, 2013

## 6. KESIMPULAN

Kajian ini membawa kepada inovasi dan kewujudan asnaf ar-riqab dalam wajah dan versinya yang baru dan berbeza. Umat Islam digalakkan untuk bersikap lebih kreatif dan dinamik dalam memperluaskan kefahaman dan mendimensikan tafsiran ke atas ar-riqab. Ini kerana skop ar-riqab yang asal iaitu membebaskan manusia yang menjadi hamba daripada tuannya perlu dilihat semula kepada membebaskan manusia dari dihimpit gejala sosial yang semakin berleluasa. Umat Islam yang bekerja keras dan berusaha memberikan nafas baru terhadap pengertian ar-riqab ini akan dilihat lebih murni dan bijaksana daripada mengertikan ar-riqab telah tidak wujud lagi pada masa kini. Walhal dalam kehidupan realiti sekarang, masih ramai manusia di kalangan umat Islam yang hidup dalam lembah kehinaan dan dibelenggu kesengsaraan. Pelaksanaan peruntukan asnaf ar-riqab secara sistematik dan cermat oleh pihak pengurusan zakat di negara ini pasti akan dapat mengangkat lebih tinggi martabat zakat dan Islam sebagai satu-satunya agama yang turun dari langit untuk mencurahkan kesejahteraan di atas muka bumi, khususnya umat Islam di negara ini.

## RUJUKAN

- al-Babarti, Akmal al-Din Muhammad bin Mahmud al-Hanafi (2007). *al-'Inayah syarh al-hidayah*. Sunt. Abu Mahrus 'Amru bni Mahrus. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Bahuti, Mansur bin Yunus bin Idris (1996). *Syarh muntaha al-'iradat*. Cet. ke-2. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- al-Baijuri, Ibrahim (1999). *Hasyiah Syeikh Ibrahim al-Baijuri 'ala syarh al-'Allamah Ibn al-Qasim al-Ghazzi 'ala matn al-Syeikh Abi Syuja'*. Sunt. Muhammad 'Abd al-Salam Syahin. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad bin Urfah (2003). *Hasyiah al-Dusuqi 'ala al-syarh al-kabir*. Cet. ke-2. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

- al-Khatib, Muhammad al-Syarbini (2008). *al-Iqna'*. Terj. M. Mujib et.al. Johor Bahru: Jahabersa.
- al-Khurasyi, Muhammad bin 'Abd Allah bin 'Ali (1997). *Hashiyah al-Khurasyi 'ala mukhtasar sidi Khalil*. Sunt. Zakariya 'Umairat. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Marghinani, Burhan al-Din Abu al-Hasan 'Ali bin Abi Bakr bin 'Abd al-Jalil al-Rashdani (1990). *al-Hidayah syarh badayah al-mubtadi*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah* (1990). Jil. 23. Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyah.
- al-Nawawi, Abu Zakariya Muhyi al-Din bin Syaraf (1995). *Kitab al-majmu' syarh al-muhadhdhab li al-Syirazi*. Sunt. Muhammad Najib al-Muti'i. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Qaradawi, Yusuf (2006). *Fiqh al-zakat: Dirasah muqaranah li ahkamiha wa falsafatiha fi dau' al-Qur'an wa al-sunnah*. Cet. ke-25. al-Qaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qurafi, Shihab al-Din Abu al-'Abbas Ahmad bin Idris bin 'Abd al-Rahman al-Sonhaji al-Misri (2008). *al-Zakhirah fi furu' al-Malikiyah*. Ed. ke-2. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Qurrah Daghi, 'Ali Muhyi al-Din (1992). *Nazarat muta'assilah fi masraf al-riqab wa mada jawaz daf' al-zakat fi fidiyah al-asir wa al-mukhtataf*. 'Amman: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Razi, Muhammad bin Abi Bakr bin 'Abd al-Qadir (2000). *Mukhtar al-sihah*. al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- al-Syaukani, Muhammad bin 'Ali (1985). *Kitab al-sail al-jarrar al-mutadaffiq 'ala hada'iq al-azhar*. Sunt. Mahmud Ibrahim Zaid. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Uthaimin, Muhammad Soleh (1413H). *Majmu' fatawa wa rasa'il Ibn al-Uthaimin*. Riyadh: Dar al-Watan.
- al-Zayla'i, Fahr al-Din Uthman bin 'Ali al-Hanafii (2000). *Tabyin al-haqa'iq syarh kanz al-daqa'iq*. Sunt. Ahmad 'Izzu 'Inayah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Arief Sallah bin Rosman *et.al.* (2013). *Garis Panduan Pengurusan Zakat Asnaf Riqab dan Gharimin: Satu Analisis Kontemporari*. Geran Penyelidikan Isu Kefatwaan JAKIM.

Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST) UTM dan Jabatan Mufti Negeri Johor.

Arieff Salleh bin Rosman, Azman Ab Rahman dan Muhamad Firdaus Ab Rahman. (2013). Kedudukan Ar-Riqab Sebagai Penerima Zakat Dalam Konteks Masa Kini. Makalah, telah dibentangkan di Muzakarah Zakat Peringkat Kebangsaan siri1, 11 Disember 2013, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.

Badr al-Din al-'Aini, Mahmud bin Ahmad bin Musa bin Ahmad bin al-Husayn (2000). *al-Banayah syarh al-hidayah*. Sunt. Ayman Saleh Sya'ban. Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

Dr. Zulkifly Bin Mohammad Al-Bakri. (2013). Sejarah Hamba dan Kedudukan Ar-Riqab Sebagai Penerima Zakat Pada Masa Kini. Makalah, telah dibentangkan di Muzakarah Zakat Peringkat Kebangsaan siri1, 11 Disember 2013, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.

Fairuz Abadi, Majd al-Din Muhammad bin Ya'kub al-Syirazi (1978). *al-Qamus al-muhit*. Beirut: Dar al-Fikr.

Hafizatul Akmal Abdul Jalil. (2013). Kedudukan Ar-Riqab Sebagai Penerima Zakat: Fatwa dan Amalan di Negeri Selangor. Makalah, telah dibentangkan di Muzakarah Zakat Peringkat Kebangsaan siri1, 11 Disember 2013, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.

Ibnu 'Abidin, Muhammad Amin bin Umar bin 'Abd al-'Aziz (1998). *Rad al-muhtar 'ala al-dur al-mukhtar*. Sunt. Muhammad Subhi Hasan Hallaq dan 'Amir Husayn. Jil. 3. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Ibnu al-Humam, Kamal al-Din Muhammad bin 'Abd al-Wahid al-Sakandari (1995). *Syarh fath al-qadir*. Sunt. 'Abd al-Razzaq Ghalib al-Mahdi. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

Ibnu 'Asyur, Muhammad al-Tohir (2000). *Tafsir al-tahrir wa al-tanwir*. Jil. 10. Beirut: Mu'assasah al-Tarikh.

Ibnu Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram al-Misri (1990). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.

Ibnu Muflih, Syams al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad al-Maqdisi al-Hanbali (1997). *al-Furu'*. Sunt. Abu al-Zahra' Hazim al-Qadi. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

- Ibnu Najjar, Taqiy al-Din Muhammad bin Ahmad al-Futuhi al-Hanbali (1999). *Muntaha al-'iradat fi jam' al-muqni' ma'a al-tanqih wa ziyadat*. Sunt. 'Abd Allah bin 'Abd al-Hasan al-Turki. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ibnu Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad al-Maqdisi (1994). *al-Mughni 'ala mukhtasar al-Kharqi*. Sunt. 'Abd al-Salam Muhammad 'Ali Syahin. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Muhammad 'Abduh dan Muhammad Rashid Reda (2002). *Tafsir al-manar*. Sunt. Samir Mustafa Rabab. Jil. 10. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Negeri Selangor (1994). Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989. Warta Kerajaan 29hb Ogos 1994.
- Normala Rabu, Hayyun Haji Nawawi dan Nor Mohd Faisal Md Ariffin. (2013). Perluasan Konsep Asnaf Al-Riqab: Satu Pengamatan. Makalah, Muzakarah Zakat Peringkat Kebangsaan Siri1, 11 Disember 2013, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.
- Sahibul Samahah Dato' Haji Mohd Yusof Bin Haji Ahmad. (2013). Kedudukan Ar-Riqab Sebagai Penerima Zakat: Fatwa dan Amalan di Negeri Sembilan. Makalah, telah dibentangkan di Muzakarah Zakat Peringkat Kebangsaan Siri1, 11 Disember 2013, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.
- Sahibul Samahah Dr. Zulkifly Bin Muda. (2013). Kedudukan Ar-Riqab Sebagai Penerima Zakat: Fatwa dan Amalan di Negeri Terengganu. Makalah, telah dibentangkan di Muzakarah Zakat Peringkat Kebangsaan Siri1, 11 Disember 2013, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.
- Zakaria al-Ansari, Abu Yahya al-Syafi'i (2001). *Asna al-matalib syarh raud al-tolib*. Sunt. Muhammad Muhammad Tamir. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Zulkifli bin Muhammad al-Bakri (2013). Al-Riqab: Tafsiran aplikasi semasa dari sudut Syarak. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. Vol 6, No2, 2012.